

KUMPULAN CERITA RAKYAT NEGERI SARAWAK

SIRI
3

DONGENG BURUNG
MURAJ DAN RAJA IKAN
BELIDA

Penyusun
Abdul Rashid Haji Subet
Mohd. Amizi Ikman Amran

Dewan Bahasa dan Pustaka
Cawangan Sarawak
2013



KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	ix
Dongeng Burung Murai dan Raja Ikan Belida <i>David Bululok</i> Etnik: <i>Lakiput/Kiput</i>	1
Mengapa Kucing Menyembunyikan Tinjanya <i>Ahmad Zaidi bin Nordin</i> Etnik: <i>Melayu Sarawak</i>	12
Sumpah Chuik dan Empitu <i>Henry Ngadit Sawing</i> Etnik: <i>Iban</i>	19
Kisah Ikan Sembilang dan Ikan Keli <i>Ahmad Zaidi bin Nordin</i> Etnik: <i>Melayu Sarawak</i>	30



Hati Tanah	37
<i>Batik anak Bidin</i>	
<i>Etnik: Iban</i>	
Kisah Bubut dan Merak	50
<i>Helena anak Henry Lajang</i>	
<i>Etnik: Iban</i>	
Buaya Putih	57
<i>Dahiri bin Saini</i>	
<i>Etnik: Melayu Sarawak</i>	
Ular Sawa Tidak Berbisa	71
<i>Dahiri bin Saini</i>	
<i>Etnik: Melayu Sarawak</i>	
Kisah Bungan dan Apeng	78
<i>Carolyn Aie Lawai</i>	
<i>Etnik: Berawan</i>	
Si Budu	87
<i>Radzemah binti Bolhassan</i>	
<i>Etnik: Melanau</i>	
Kerana Derhaka Pungguk Menangis	97
<i>Nurul Hidayat Loius bin Abdullah</i>	
<i>Etnik: Melayu Sarawak</i>	
Si Anak Nyamuk Mencari Ibunya	104
<i>Ahmad Zaidi bin Nordin</i>	
<i>Etnik: Melayu Sarawak</i>	

Asal-Usul Lilit Kepala Hitam dan Bujang Senang	110
<i>Arlene Cherilyn anak Asun</i>	
<i>Etnik: Melanau</i>	
Kenapa Burung Pungguk Merindukan Bulan?	120
<i>Goheb anak Goyog</i>	
<i>Etnik: Bidayuh</i>	
Pelanduk dan Harimau	132
<i>Clarissa anak Simon Sueh</i>	
Mimpi Sang Harimau	142
<i>Henry Ngadit Sawing</i>	
<i>Etnik: Iban</i>	
Alung	151
<i>Devinna Win anak Boniface</i>	
<i>Etnik: Iban</i>	
Al-Kisah Bujang Senang	160
<i>Afza Shalwimie bin Mohd. Arbi</i>	
<i>Etnik: Iban</i>	
Raja Buaya Batang Lupar	165
<i>Gloria Bangie anak Bandar</i>	
<i>Etnik: Iban</i>	
Buaya dan Kera	170
<i>Rafiae bin Ismail</i>	
<i>Etnik: Melanau Bintulu</i>	

Perbincangan Haiwan di Danau Alai <i>Josphine Limon anak Unggang</i> <i>Etnik: Iban</i>	176
Kura-kura dan Beruang Menanam Pisang <i>Henry Ngadit Sawing</i> <i>Etnik: Iban</i>	188
Burung Keranda <i>Dahiri bin Saini</i> <i>Etnik : Melayu Sarawak</i>	199
Apai Saloi dan Bubunya <i>Harry Usup anak Umbar</i> <i>Etnik : Iban</i>	209
Naga Sungai Pancur <i>Nurul Hidayat Loius bin Abdullah</i> <i>Etnik : Melayu Sarawak</i>	218
Cerita Si Yalui <i>Surri Abdullah @ Aprit anak Mayok</i> <i>Etnik : Bisaya</i>	223
Binatang Menuba Ikan <i>Henry Ngadit Sawing</i> <i>Etnik : Iban</i>	231
Kisah Apai Sali <i>Rita anak Gadong</i> <i>Etnik : Iban</i>	261



PRAKATA

Dengan Nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Antologi Siri 3, Peraduan Penulisan Semula Cerita Rakyat Sarawak bertajuk “*Dongeng Burung Murai dan Raja Ikan Belida*” berjaya diterbitkan. Buku ini menghimpunkan sebanyak 28 buah cerita rakyat peribumi Sarawak kategori cerita binatang dan cerita jenaka hasil Peraduan Penulisan Semula Cerita Rakyat Sarawak (PPSCRS) bagi tahun 2011.

PPSCRS dianjurkan setiap tahun oleh Unit Penyelidikan Sastera untuk memperoleh bahan sastera rakyat dalam bentuk bertulis bagi tujuan pendokumentasian. Di samping itu juga, PPSCRS dapat memupuk minat serta penghayatan orang ramai terhadap warisan sastera rakyat pelbagai suku kaum dan budaya di negeri ini.

Selaku penyelenggara, kami berharap agar penerbitan buku ini dapat menjadi satu wadah kepada para sarjana dan pengkaji tempatan bertukar-tukar maklumat serta pandangan dalam menilai dan mengkaji kekayaan hasil karya kesusasteraan tradisional Sarawak. Penerbitan buku ini juga diharap akan mencipta ruang kepada karyawan Sarawak dalam membincangkan dengan lebih mendalam serta menilai kembali tentang iklim penulisan kreatif dan bukan kreatif di Sarawak.

Dalam usaha merealisasikan penerbitan buku ini, kami telah banyak menerima bantuan daripada pelbagai pihak. Sejambak penghargaan dan terima kasih kami ucapkan kepada Pengarah DBP Cawangan Sarawak, Dr. Amran bin Joned, dan Timbalan Pengarah DBP Cawangan Sarawak, Puan Hajah Asmiah binti Haji Ajamain yang telah memberikan galakan, sumbang saran serta sokongan sehingga terbitnya buku ini. Ribuan penghargaan juga kami kalungkan kepada semua informan dan para peserta peraduan yang tidak jemu-jemu membantu dalam menyumbangkan bahan sastera rakyat yang tidak ternilai ini. Begitu juga kepada pegawai-pegawai DBP yang turut terlibat secara langsung dalam menangani proses penerbitan buku ini, khususnya Encik Jonathan Singki anak Lintan, Ustaz Riduwan bin Wahab, Tuan Haji Shantrol bin Abdullah, Puan Edith Sulie anak Bidas, Puan Stephanie Lenya anak Chaong, Puan Shuhailiy binti Mahamad, Puan Hajijah binti Haji Mainol, Puan Marriya binti Haji Yusup dan Encik

Mohammad Syafiq Rohaizad bin Buyong, terima kasih atas sumbangan yang diberikan. Semoga usaha ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat dalam memartabatkan kesusasteraan kebangsaan.

Salam hormat.

Abdul Rasid Haji Subet

Mohd. Amizi Ikman Amran



DONGENG BURUNG MURAI DAN RAJA IKAN BELIDA

David Bululok



Pada zaman dahulu terdapat banyak binatang mendiami hutan di sepanjang Sungai Baram. Binatang-binatang ini hidup dalam suasana harmoni kerana hutannya dipenuhi dengan bermacam-macam jenis pokok yang boleh mengeluarkan buah-buahan untuk dijadikan makanan. Setiap hari binatang seperti burung, monyet dan tupai akan datang memetik dan memakan buah-buahan yang ranum. Buah-buahan yang terlalu banyak itu turut jatuh berselerak ke tanah. Binatang-binatang lain seperti landak, pelanduk, kijang, rusa dan babi hutan yang tidak pandai memanjat pokok akan memanfaatkan rezeki yang diselerakkan oleh

Dongeng Burung Murai dan Raja Ikan Belida

sahabat-sahabat mereka yang berebutan memetik buah-buahan ranum dari dahan ke dahan.

Dalam keriuhan berebutan mendapatkan makanan terdapat seekor burung murai yang pemalu sedang bertenggek di dahan yang agak rendang. Dia leka mematuk kerengga dan anai-anai dengan paruhnya yang tajam. Sikap Murai yang pendiam dan pemalu itu membuatkan dia tidak mempunyai ramai kawan. Sedang Murai leka mematuk, tiba-tiba seekor beruang lari terkinja-kinja sambil menggesel-gesel badan pada pokok-pokok kecil di sepanjang laluannya.

“Adoi! Sakitnya badan aku ... tolong!” Murai terkejut besar melihat beruang yang mengerang kesakitan itu lalu tergerak juga hatinya untuk bertanya.

“Kenapa dengan engkau wahai Pak Hitam? Apa yang berlaku ni?”

“Oh! Tadi aku terkupas sarang tebuan. Aku teringin melihat apa yang ada di dalamnya kerana ada bunyi berdengung di dalam sarang tersebut. Bila aku kupas sahaja, habis bertaburan tebuan itu dan aku tidak sempat mengelak. Aku diserang tanpa belas kasihan. Nah! Lihatlah badan aku yang lebam-lebam ini,” kata beruang sambil terus menggosok-gosok badannya pada pangkal pokok.

“Tolonglah aku wahai Murai ... aku tak tahan lagi dengan kesakitan dan bisa yang amat sangat ini,” kata beruang teresak-esak.

“Apa yang boleh aku buat? Aku hanya burung kecil,” kata Murai merendah diri.

“Buatlah apa sahaja asalkan aku boleh sembuh. Aku janji akan membalaikan kebaikanmu dengan hadiah yang banyak.” Dengan linangan air mata, Beruang terus merayu-rayu.

“Bawalah ke sini, biar aku tolong ubatkan tetapi kalau tidak sembuh janganlah salahkan aku”

Murai mengingatkan. Tanpa berfikir panjang Beruang

Dongeng Burung Murai dan Raja Ikan Belida

yang sedang kesakitan itu terus sahaja mendekati Murai dengan harapan keperitan di tubuhnya dapat dihilangkan segera. Murai pun mula mematuk dan mengumpul sengat tebuan yang masih melekat di badan Beruang satu per satu. Bunyi patuk Murai itu sungguh mengasyikkan sehingga membuatkan Beruang terlelap. Kemudian Murai memetik daun kayu *simpur* lalu menutupi badan Beruang yang sedang terlena di bawah pokok. Selang beberapa hari Beruang pun sedar semula. Kesakitan pada badannya sudah hilang.

Lalu Beruang pun menuaikan janjinya dengan memberikan hadiah yang banyak kepada Murai. Kehebatan Murai mengubati Beruang yang disengat tebuan itu cepat tersebar ke seluruh rimba raya. Semenjak hari itu berpusupusulah binatang yang menghuni hutan itu untuk meminta khidmat Si Murai, daripada mengubati penyakit sehingga kerja tilik menilik.

Semakin hari hidup Si Murai kian berubah. Hadiah dan penghormatan daripada binatang yang menghuni rimba itu membuatkan dia mula menunjuk-nunjuk dan bongkak. Walaupun sikap Murai itu mula menjengkelkan binatang-binatang lain tetapi dia tetap juga dijemput untuk *bemanang* (berdukun) dan menilik sesiapa sahaja yang memerlukan khidmatnya. Tetapi kini, sebelum memulakan upacara *manang* (dukun) atau menilik, Murai akan mengenakan syarat-syarat tertentu dan menetapkan bayaran yang tinggi sebagai pengeras. Murai pula bernasib baik apabila usahanya menyembuhkan pesakit selalu berhasil dan ini membuat pesakitnya tidak merungut dengan permintaan Murai yang terlalu mahal dan kadangkala tidak masuk akal itu.

Pada suatu hari ketika Pekaka mengintai anak ikan di tebing sungai, dia ternampak Raja Belida timbul di permukaan air. Wajah Raja Belida muram seolah-olah sedang ditimpa bencana yang besar.

“Wahai, Tuanku Raja Belida, kenapakah wajah

Dongeng Burung Murai dan Raja Ikan Belida

tuanku muram durja? Apakah gerangan yang mengganggu di fikiran?”

Pekaka menegur Raja Belida yang mundar-mandir berenang ke hulu dan ke hilir. Raja Belida berhenti seketika sambil mendongak melihat Pekaka yang bertenggek di atas dahan di hadapannya. Air mata mengalir di pipinya dan dia mula teresak-esak.

“Adapun beta hanya ada seorang putera yang bakal mengantikan tempat beta sebagai raja apabila beta sudah tidak ada nanti. Tetapi kini putera beta itu sedang gering. Kini beta sudah putus harapan. Wahai Sang Pekaka, khabarkan kepada beta apa lagi yang boleh beta usahakan untuk selamatkan putera tunggal beta itu.” Raja Belida terus teresak-esak. Kesedihan Raja Belida membuat Pekaka bersimpati.

“Ampun Tuanku Raja Belida, sudahkah tuanku membawa putera tuanku itu bertemu dengan dukun atau tabib?”

Pekaka cuba memberi usul. Raja Belida mengangguk-angguk perlahan.

“Sudah berpuluhan-puluhan dukun dan tabib beta upah tetapi tidak ada seorang pun dapat menyembuhkan penyakit putera itu. Beta sudah habis ikhtiar, Pekaka. Beta tidak tahu nak buat apa lagi.”

Raja Belida mengocakkan air menandakan kerisauannya yang amat sangat. Kocakan itu menyebabkan gelombang kecil di permukaan air. Dari raut wajahnya yang sudah berkedut itu, Pekaka dapat menyelami keresahan hati Raja Belida. Keresahan itu bukan kecil. Keresahan itu adalah antara hidup dan mati seseorang yang sangat disayangi.

“Tahukah tuanku bahawa Si Murai sudah menjadi seorang dukun yang terkenal di rimba ini? Dia sudah berjaya mengubati banyak binatang hutan yang ditimpa bermacam-macam jenis penyakit dan tilikannya juga selalu betul. Apa

Dongeng Burung Murai dan Raja Ikan Belida

kata kalau tuanku jemput sahaja Si Murai itu. Manalah tahu kalau dia boleh menyembuhkan penyakit putera tuanku itu. Apa salahnya jika tuanku mencuba.”

Raja Belida berhenti seketika. Saranan Pekaka itu seperti memberi satu harapan baru kepadanya.

“Bagaimanakah caranya beta dapat bertemu dengan Si Murai itu wahai Pekaka? Mahukah dia mengubati putera beta itu sedangkan kita ini berlainan alam? Bagaimana caranya Si Murai boleh mengubati putera itu? Kami hidup di dasar sungai ini manakala kamu hidup di udara?” Raja Belida masih kurang yakin. Dia juga risau kalau nanti Murai mengenakan syarat-syarat pelik yang mungkin akan lebih cepat mengancam nyawa puteranya.

“Usahlah tuanku khuatir tentang perkara itu. Walaupun kita hidup berlainan alam tetapi kita semua adalah makhluk tuhan. Di mata tuhan, antara kita tidak ada perbezaan sama sekali, yang ada hanyalah kelebihan kita masing-masing. Tuanku boleh berenang dan kami pula boleh terbang. Mungkin ada caranya nanti Murai boleh membantu tuanku.”

Kata-kata Pekaka itu menyentuh hati Raja Belida. Kini dia baru sedar betapa alam yang maha luas ini diciptakan oleh tuhan untuk makhluk bermacam-macam bentuk dan rupa. Alam sungai dengan berbagai-bagai spesies ikan dan udang serta makhluk yang lebih besar seperti buaya dan ular. Entah apalah rupanya alam di daratan dan di udara, bisik hatinya.

“Baiklah, patik mohon beredar dulu. Nanti patik pujuk Si Murai itu. Mudah-mudahan dia bersetuju untuk membantu. Esok pagi tuanku tunggulah di sini.”

Pekaka pun mengepak-ngepak sayapnya lalu terbang pantas menyusup ke kiri dan ke kanan melepasi dahan-dahan kayu dan akhirnya hilang daripada pandangan Raja Belida. Raja Belida terpinga-pinga kebingungan. Namun, ada